



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN AKHBAR

MAKLUM BALAS KENYATAAN AKHBAR BERHUBUNG ISU BAYARAN GAJI PEGAWAI DI PEJABAT YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan dalam The Sun bertarikh 2 Ogos 2018 bertajuk “*Still No Salaries For Appointees*”. Pelantikan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK), Setiausaha Akhbar (SUA), Pegawai Tugas-Tugas Khas (PTTK), Setiausaha Sulit (SUS) di Pejabat Anggota Pentadbiran tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012 (PP6/2012) – Perjawatan dan Perkhidmatan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018, telah bersetuju supaya bilangan perjawatan di pejabat tersebut hendaklah mematuhi PP6/2012 dengan tambahan satu (1) jawatan PTTK.

Pengisian jawatan di kalangan penjawat awam dibuat sama ada secara penempatan khas atau pinjaman. Manakala pengisian di kalangan bukan penjawat awam adalah secara kontrak. Kuasa melantik pegawai secara pinjaman atau kontrak adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang merupakan badan bebas yang mempunyai kuasa pelantikan seperti mana termaktub dalam Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan.

Pengisian secara penempatan khas diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagi tujuan pelantikan secara kontrak, calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah PP6/2012 tertakluk mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri.

Syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan antaranya ialah:

- i) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- ii) Mempunyai kelayakan akademik bagi pelantikan ke kumpulan perkhidmatan yang berkenaan – contoh:- Ijazah Sarjana Muda bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- iii) Had umur tidak melebihi 60 tahun;
- iv) Laporan kesihatan (perakuan sihat untuk berkhidmat); dan
- v) Tidak diisytihar sebagai bankrap.

JPA juga melalui surat edaran bertarikh 23 Julai 2018 telah memaklumkan proses pelantikan pegawai di pejabat anggota pentadbiran hendaklah mematuhi kaedah pelantikan yang ditetapkan. Jika segala dokumen lengkap dan syarat tersebut telah dipenuhi, urusan pelantikan boleh diselesaikan dalam tempoh maksimum dua (2) minggu dari tarikh penerimaan perakuan oleh SPA.

Berdasarkan semakan JPA, isu yang dibangkitkan mengenai gaji yang belum dibayar adalah berikutan urusan pelantikan yang belum selesai disebabkan oleh dokumentasi yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat pelantikan dalam perkhidmatan. Terdapat juga kes di mana pegawai tidak bersetuju menerima tawaran pelantikan yang telah diluluskan oleh SPA kerana berbeza dengan gred jawatan yang dimohon.

Sehingga kini, permohonan lantikan kontrak yang telah diterima oleh JPA daripada pelbagai Kementerian telah dikemukakan ke SPA untuk pertimbangan. Bagi pengisian jawatan secara penempatan khas yang melibatkan 27 pegawai, pelantikan telah dilaksanakan. Manakala pengisian secara pinjaman yang melibatkan enam (6) pegawai sedang dalam tindakan.

Berkenaan dakwaan terdapat pegawai yang “ditamatkan” selepas 2 minggu berkhidmat, berdasarkan semakan, pegawai tersebut tidak diteruskan perkhidmatan oleh Kementerian berikutan telah melebihi jumlah perjawatan yang diluluskan dan tidak layak untuk dilantik.

Bagi permohonan yang telah diterima sehingga 3 Ogos 2018, sekiranya dokumentasi lengkap telah diperolehi, pelantikan dijangka dapat diselesaikan selewat-lewatnya 15 Ogos 2018. JPA dan SPA akan sentiasa memastikan proses pelantikan akan dipercepatkan sekiranya dokumentasi yang lengkap diterima.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Tarikh : 3 Ogos 2018
Tel : 03 - 8885 3088/ 3830
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (10)